

# Malaysia atur sidang OIC bantu atasi isu Palestin

Perang Hamas, Fatah jejas penubuhan negara berdaulat: Syed Hamid

Oleh Azman Mahmood dan Johan Afandi

**K**UALA LUMPUR: Malaysia sedia menggerakkan usaha untuk mengadakan sidang tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam usaha mencari jalan penyelesaian menamatkan konflik di Palestin membabitkan Hamas dan Fatah.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pertelagahan antara dua pihak itu amat membimbangkan Malaysia sebagai Pengerusi OIC.

"Malaysia amat berharap perkembangan positif dengan Hamas dan Fatah berdamai demi mewujudkan sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka sepenuhnya.

"Walaupun pertelagahan kedua-dua pihak itu dilihat isu dalaman mereka, OIC seperti juga Liga Arab mahu melihat Palestin bebas daripada kancan perang saudara," katanya.

Dalam keadaan sekarang, katanya sukar untuk OIC membantu untuk membawa kedua-dua pihak ke meja

rundingan, kecuali Hamas dan Fatah bersedia menerima OIC sebagai pihak ketiga bersama Liga Arab untuk berbuat demikian.

"Tetapi, kita akan berusaha dan meminta Setiausaha Agung OIC, Ekmeleddin Ihsanoglu, berhubung semula dengan Presiden Palestin, Mahmoud Abbas dan Ketua Hamas dalam buangan, Khaled Meshaal untuk mengambil langkah berdamai.

"Kita sedia mengadakan sidang tergempar OIC jika Fatah dan Hamas bersedia berdamai menerusi pihak ketiga.

"Liga Arab juga sudah meminta kedua-dua pihak terbabit segera hentikan pertelagahan dan mencari jalan penyelesaian di meja rundingan," katanya ketika dihubungi semalam sebelum berlepas ke Russia mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan membuat lawatan rasmi tiga hari ke negara berkenaan mulai hari ini.

Beliau diminta mengulas konflik Fatah dan Hamas di Palestin semakin meruncing berikutan rampasan kuasa oleh Hamas di Gaza dan didakwa menyebabkan lebih 400 orang ter-

bunuh dan lebih 900 yang lain cedera selepas enam hari bertempur dengan anggota keselamatan Fatah.

Kelmarin, *AFP* dan *Reuters* melaporkan Khaled sedia bekerjasama dengan Mahmoud dan masih mengiktirafnya sebagai Presiden Palestin walaupun beliau menyingkirkan kerajaan dan Parlimen yang dikuasai Hamas.

Syed Hamid berkata, jika pertelagahan berterusan dan tiada jalan penyelesaian, ia hanya menguntungkan Israel kerana kegagalan Pihak

Berkuasa Palestin membentuk kerajaan dan sebuah negara berdaulat.

Beliau berkata, Abdullah sebagai Pengerusi OIC memandang serius perkembangan di Palestin dan satu laporan lengkap akan dihantar kepada beliau tidak lama lagi.

Sementara itu bercakap kepada wartawan selepas menghadiri Mesyuarat Badan Perhubungan Umno Johor di **JOHOR BAHRU**, semalam, Syed Hamid berkata, Malaysia mahu Hamas dan Fatah menghentikan persengketaan dan kembali semula ke meja rundingan demi kepentingan penduduk Palestin serta kestabilan Asia Barat.

Menteri Luar berkata konflik yang kembali memuncak kelmarin, tidak memberikan sebarang keuntungan kepada mana-mana pihak, sebaliknya menyebabkan penderitaan rakyat negara itu.

"Apa lagi yang boleh kita bantu, jika mereka terus bertelagah sedangkan selaku Pengerusi OIC, sokongan tidak berbelah bahagi diberikan kepada Pihak Berkuasa Palestin dalam usaha mencari perdamaian di negara berkenaan," katanya.

## FAKTA NOMBOR

Perang saudara Hamas, Fatah

**400**

Terbunuh

**900**

Cedera

BH-18/6/2007